

KHUTBAH JUMAAT

"MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

(26 Januari 2024M/ 14 Rejab 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh mengurangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Bersempena dengan Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42 yang

disambut pada tanggal 26 Januari setiap tahun, izinkan khatib untuk membawa hati dan jiwa sekalian yang hadir menghayati khutbah yang bertajuk: **“Membangunkan Ekonomi Negara Tanggungjawab Bersama”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Memelihara kestabilan ekonomi dan membangunkan negara merupakan tuntutan dalam agama dan tugas merealisasikannya adalah tanggungjawab kolektif setiap rakyat. Ini termasuklah membayar cukai. Cukai merupakan satu instrumen ekonomi yang amat penting bagi sesebuah negara memperolehi hasil atau pendapatan. Hasil daripada cukai ini digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus serta membangunkan negara seperti pembinaan infrastruktur, jalan raya, hospital dan sekolah bagi tujuan menjaga kebajikan rakyat.

Dalam Islam, istilah cukai lebih sinonim dengan lafaz *al-kharaj* yang membawa maksud cukai atau perolehan yang diambil daripada harta dan pendapatan seseorang atau daripada pendapatan harta awam, sewaan, perolehan daripada orang perseorangan atau tanah. Ia juga membawa maksud kadar-kadar tertentu yang dikenakan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 94:

قَالُوا يٰۤاَيُّهَا الْقَرْنَيْنِ اِنَّ يٰۤاَجُوۡجَ وَمَاۤجُوۡجَ مُفْسِدُوۡنَ فِى الْاَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ
خَرْجًا عَلٰٓى اَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا (۹۴)

Maksudnya: Mereka berkata: "wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan **sejumlah bayaran**

kepadamu (hasil daripada pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?

Al-Syaukani *rahimahullah* menjelaskan bahawa maksud *al-kharaj* dalam ayat tersebut adalah 'hasil daripada pendapatan kami'. Ayat ini menjelaskan keharusan pemimpin untuk mengumpulkan sumber pendapatan negara iaitu cukai bagi memelihara kepentingan umum negara dan rakyat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kewajiban membayar cukai adalah tanggungjawab bersama untuk meningkatkan hasil negara dan menggalakkan pembangunan negara. Sebagai rakyat yang sayangkan negara kita mempunyai tanggungjawab untuk melunaskan cukai. Justeru, mimbar mengajak kita bersama-sama memberikan komitmen sepenuhnya untuk membangunkan dan menjana ekonomi negara dalam memacu pertumbuhan positif ke arah kemakmuran melalui pembayaran cukai yang telah ditentukan oleh pemerintah.

Perbuatan lari daripada membayar cukai melalui pelbagai bentuk helah seperti penipuan dan penyeludupan adalah dosa yang ditegah oleh agama. Perbuatan tersebut juga boleh membawa kepada berkurangnya hasil ekonomi negara seterusnya menyukarkan pemerintah menyusun atur polisi ekonomi, merancang program-program pembangunan serta menghulurkan bantuan untuk kemaslahatan rakyat. Saidina Abdullah bin Mas'ud *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَإِنَّ الْكُذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ ، وَإِنَّ
الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ كَذَّابًا))

Maksudnya: *Sesungguhnya dusta membawa kepada kejahatan dan sesungguhnya kejahatan membawa kepada neraka. Sesungguhnya tidaklah seseorang itu melazimkan dirinya dengan berdusta melainkan dia akan dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Perbuatan lari daripada cukai akan menyebabkan negara mengalami penurunan pendapatan cukai dan menjejaskan peruntukan kebajikan kepada rakyat. Malah, ia memberi impak kepada keselamatan sosial sekaligus meningkatkan kos dan beban bagi agensi kerajaan terutamanya dalam memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap pembayaran cukai.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bersama bagi memastikan semua masyarakat untuk membayar cukai di samping membanteras aktiviti penyeludupan dengan membantu Jabatan Kastam Diraja Malaysia melaporkan aktiviti penyeludupan tersebut. Manakala pihak yang menjalankan penguatkuasaan hendaklah melaksanakan tugasnya dengan amanah dan bertanggungjawab. Firman Allah dalam Surah Ali-Imran, ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (١٠٤)

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.*

Daripada Abu Bakar *radiallahu anhu* bahawa Rasullulah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَا مِنْ قَوْمٍ يُعْمَلُ فِيهِمْ بِالْمَعَاصِي ثُمَّ يَقْدِرُونَ عَلَى أَنْ يُغَيِّرُوا ثُمَّ لَا يُغَيِّرُوا إِلَّا يُوشِكُ أَنْ يَعُمَّهُمُ اللَّهُ مِنْهُ بِعِقَابٍ))

Maksudnya: *Tidaklah kemaksiatan yang dilakukan oleh suatu kaum, kemudian mereka (sebahagian daripada mereka) mampu untuk mengubahnya tetapi mereka tidak berbuat sedemikian, melainkan Allah subhanahu wata'ala akan timpakan keseluruhan kaum tersebut dengan azab.*

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Imam al-Nawawi *rahimahullah* juga pernah meriwayatkan daripada Abi al-Qasim al-Qusyairi dan kata-kata ini disandarkan kepada Abi Ali al-Daqqaq bahawa "Sesiapa yang diam akan sesuatu kebenaran, dia adalah syaitan bisu."

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak jemaah sekalian untuk menghayati intipati khutbah agar ia menjadi pedoman dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama : Kita dituntut untuk tidak berdiam diri dalam perkara maksiat atau kemungkaran. Ini kerana, tugas Amar Ma'ruf Nahi Mungkar adalah kewajiban setiap individu yang mengaku beriman kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam*. Dengan sikap berdiam diri di atas perkara mungkar akan menyebabkan turunnya azab Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Kewajiban membayar cukai adalah tanggungjawab semua rakyat bagi memastikan kelestarian pembangunan negara.

Ketiga : Semua pihak hendaklah berganding bahu melaksanakan amanah bagi memastikan ekonomi dipelihara dan sempadan negara dikawal.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا (٥٨)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum diantara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ
أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ
يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِي السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْهُمْ
وَإَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ
الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.